



JABATAN PERDANA MENTERI

**TERAJU**

PENERAJU BUMIPUTERA

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### **TERAJU PERKASA AGENDA BUMIPUTERA MELALUI INDUSTRI PERTANIAN & KOMODITI DAN PELANCONGAN DI LANGKAWI**

---

**LANGKAWI, 30 SEPTEMBER 2022** – Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) selaku agensi bermandatkan Bumiputera di bawah Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan satu **Sesi Libat Urus Bersama Pegawai Penyelaras Aduan Jabatan Perdana Menteri** yang turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Mohammad Bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri.

Sesi libat urus ini bertujuan untuk berkongsi fungsi dan peranan TERAJU dalam pemerkasaan agenda Bumiputera disamping memberi penerangan mengenai projek-projek pembangunan di dalam sektor pelancongan, sektor pertanian dan komoditi yang dijalankan di bawah program-program TERAJU khususnya di Langkawi, Kedah.

Sepanjang penubuhan TERAJU telah berjaya mencipta nilai sebanyak RM146.32 billion untuk Bumiputera. Di Langkawi sahaja, TERAJU telah memperuntukkan RM21.25 juta jumlah dana di bawah program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB), Dana Mudahcara (FF) dan Dana Kemakmuran Bumiputera (DKB) untuk membangunkan sebanyak 10 projek pembangunan yang telah berjaya mencipta sebanyak 600 peluang pekerjaan.

Projek-projek pembangunan di Langkawi ini bukan sahaja menjadi daya tarikan malah menawarkan lebih banyak pilihan kepada pelancong untuk menerokai Pulau Langkawi. Mengikut rekod statistik pada tahun 2019, jumlah pelancong yang melawat Langkawi adalah seramai 3.1 juta orang dan bagi pasca pandemik, aktiviti pelancongan telah mula beransur pulih dengan jumlah kedatangan pelancong pada tahun ini sehingga Julai ialah 1.17 juta orang.



JABATAN PERDANA MENTERI

TERAJU

PENERAJU BUMIPUTERA

Sesi libat urus ini turut menyaksikan perkongsian dan taklimat serta pameran daripada penerima manfaat program TERAJU dalam usaha-usaha yang sedang dibangunkan di Langkawi, antaranya:

- i. Universiti Sains Malaysia (USM) bagi Projek “Integrated Multi-Trophic Aquaculture Farming (IMTA) Scale-Up Project for Seaweed & Lobster”. Projek yang bernilai RM1.75 juta ini menggunakan kepakaran ilmu dan teknologi yang dimiliki oleh USM bagi mengembangkan penternakan rumpai laut di Semenanjung iaitu di perairan Pulau Langkawi, Kedah.
- ii. Langkawi Rainforest Sdn Bhd; mengusahakan projek pembinaan resort bertaraf antaranabangsa yang berkonsepkan vila persendirian di sekitar Pantai Tengah.
- iii. Enfiniti (M) Sdn Bhd; bagi Projek Pembinaan Pembangunan Kampung Buku Malaysia & Langkawi *Enchanted Forest*.
- iv. RFK Technologies Sdn Bhd, bagi Projek Pembinaan Taman Teman berkonsepkan *Virtual Reality* (VR) di Panorama Langkawi, Kedah.

Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Dato’ Md Silmi bin Abd Rahman berkata, “Semua usaha ini adalah selaras dengan naskah halatuju 10 tahun melalui Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) yang dibangunkan untuk pemeraksanaan sosioekonomi Bumiputera. Sektor pertanian dan komoditi serta sektor pelancongan adalah di antara industri berpotensi yang digariskan di dalam TPB2030 sebagai salah satu Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama Bumiputera (KEGA) yang mampu menjana nilai, peluang pekerjaan serta memenuhi permintaan pasaran. Inisiatif-inisiatif ini membantu usahawan Bumiputera untuk lebih berdaya saing secara global selain membuka lebih banyak ruang serta peluang bagi usahawan Bumiputera mengembangkan perniagaan di dalam sektor pertanian dan pelancongan sekaligus melonjakkan ekonomi negara.”

**#TAMAT#**



JABATAN PERDANA MENTERI

**TERAJU**

PENERAJU BUMIPUTERA

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Unit Komunikasi Korporat, TERAJU

[siti.rozalina@teraju.gov.my](mailto:siti.rozalina@teraju.gov.my) | 6019 238 4262

[nurulhidayah@teraju.gov.my](mailto:nurulhidayah@teraju.gov.my) | 6013 369 5159

[nurulainaa@teraju.gov.my](mailto:nurulainaa@teraju.gov.my) | 6010 239 6969

**MENGENAI TERAJU**

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai organisasi strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaraskan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, fungsi TERAJU telah diperluaskan sebagai penyelarasan utama Agenda sosioekonomi Bumiputera bertrajektori tinggi, melalui tindakan intervensi strategik, inisiatif dan program berlandaskan bidang keutamaan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

TERAJU berperanan menggalakan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik yang berimpak tinggi ke arah menghasilkan ekosistem pembangunan Bumiputera yang mampan, dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

TERAJU turut dipertanggungjawabkan memacu aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial dan kelestarian bagi menghasilkan persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.

---